

Cakera Blu-ray

Cakera blu-ray juga dikenali sebagai BD merupakan medium storan cakera optikal yang digunakan untuk menyimpan video HD dan data. Secara fizikalnya saiz dan bentuknya adalah sama seperti DVD dan CD tetapi cara dan format yang digunakan untuk blu-ray ini berbeza. Laser biru 405 nanometer digunakan pada cakera ini untuk membolehkan ianya di baca dan ditulis. Mempunyai jarak jaluran yang lebih rapat dan membuatkan cakera ini boleh menyimpan lebih banyak data iaitu bersamaan enam kali kapasiti DVD dua lapisan. Antara jenama blu-ray yang boleh didapati dipasaran ialah TDK, Sony, Toshiba, Imation, Philips dan banyak lagi. Masih menjadi pertanyaan sama ada khabar angin ini benar atau tidak, kerana terdapat beberapa syarikat berusaha menghasilkan cakera BD ini dengan kapasiti 100GB dan 200GB. Tunggu kemunculannya.